

# UMS harap lebih ramai penuntut Sabah ke disaran ambil kursus pasca ijazah

**Jo Ann Mool**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berharap dapat melihat lebih ramai pelajar Sabah melanjutkan pengajian di peringkat pasca ijazah.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr, Kamaruzaman Haji Ampon berkata, jumlah pelajar pasca ijazah telah mencapai 1,700 orang sedangkan di peringkat siswazah angkanya telah melebihi 16,000 pelajar.

"UMS telah melihat peningkatan pada pengambilan dalam kedua-dua peringkat pengajian dari tahun ke tahun tetapi UMS berharap untuk melihat lebih ramai penduduk Sabah meneruskan pengajian mereka terutamanya di peringkat lepas ijazah.

"Peluang serba luas dibuka sekarang ini kepada penduduk Sabah dalam melanjutkan pengajian mereka di peringkat lepas ijazah dalam UMS," katanya ketika merasmikan pameran pendidikan 'Jom Masuk UMS 2010' di Suria Sabah di sini pada Sabtu.

Katanya, Sabah yang kaya dengan kepelbagaian etnik, kebudayaan, tradisi, flora dan fauna boleh dijadikan sebagai subjek idea pengajian yang belum diterokai sepenuhnya.

"Ia mempunyai potensi untuk dijadikan bahan penyelidikan bagi thesis pelajar lepas ijazah di universiti ini," katanya.

Kamaruzaman juga berkata, UMS komited untuk menyokong kempen Pendidikan Seumur Hidup , yang menjadi salah satu agenda dalam rancangan strategik pendidikan tinggi negara.

Salah satu pendekatan UMS untuk menyokong perkara ini ialah dengan menawarkan program separuh masa di peringkat mahasiswa dan lepas ijazah melalui Luar Kampus dan Pusat Kajian Lepas Ijazah UMS.

"Program-program ini membolehkan individu bekerja melanjutkan pengajian mereka tanpa perlu berhenti kerja," kata



**KAMARUZAMAN** (tengah) bersama-sama dengan Amran (kedua kanan), Mariam (kedua kiri), Abdullah (kiri) dan Dg. Rukaih (kanan) merasmikan perasmian itu.

Kamaruzaman sambil menambah, program separuh masa itu akan memberi peluang pendidikan yang luas kepada semua orang.

Kamaruzaman juga berkata, UMS menawarkan 21 pengajian separuh masa di peringkat ijazah sarjana muda, 12 Ijazah Sarjana dengan kerja kursus, sembilan Ijazah Sarjana dengan Penyelidikan dalam pelbagai bidang dan pengajian separuh masa dalam Kedoktoran Falsafah dengan Penyelidikan dalam pelbagai bidang.

Tiga belas buah sekolah dan tiga pusat kecemerlangan mengambil bahagian dalam pameran dua hari itu yang bertujuan menyalurkan maklumat mengenai program pendidikan yang ditawarkan UMS.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor Professor Dr. Amran Ahmed, Dekan Pusat Pengajian Lepas Ijazah Professor Madya Datin Dr Mariam A. Latip, Pendaftar Abdullah Hj Mohd Said dan Ketua Perpustakawan Dg Rukaih Ag. Amit.